

Peruntukan pembangunan mengecil, tiada strategi jelas kurang kos sara hidup

SHAH ALAM - Peruntukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 dilihat semakin mengecil menerusi pembentangan Bajet 2018 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Jumaat lalu.

Penganalisis Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusof Saari berkata, peruntukan perbelanjaan pembangunan tahun bagi tahun 2018 adalah sebanyak 16.3 peratus berbanding 17.5 peratus pada tahun lalu.

“Keadaan ini dilihat agak ku-

rang progresif kerana perbelanjaan pembangunan sangat penting bagi sebuah negara sedang membangun seperti Malaysia.

“Perbelanjaan pembangunan adalah pelaburan yang mendatangkan pulangan di masa akan datang,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Selain itu, Mohd Yusof memaklumkan bajet kali ini tidak



MOHD YUSOF

mengandungi pelan strategi jelas bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat berikutan pergerakan gaji dan upah yang perlahan berbanding perubahan harga.

“Katanya, peningkatan harga makanan dan rumah adalah dua perkara utama yang memerlukan perhatian serius kerajaan.



● **Belanja mengurus: RM234.25 bilion**

● **Belanja pembangunan: RM46 bilion**

“Kedua-dua masalah ini memerlukan usaha berbentuk penyelesaian pasaran.

“Selain itu, dijangkakan masih ramai pekerja di sektor swasta yang tidak mendapat faedah daripada upah minimum,” katanya.